



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**APLIKASI SENI MOTIF TATU ORANG ULU DAN PENGGUNAAN
SISTEM TANGGAM SERTA NILAI ESTETIKA DALAM
PEMBUATAN KERUSI SEMI-OUTDOOR.**

Alexander Anak Sigau

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Reka Industri)
2015**

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the **15 JULY 2015**.

Student's Declaration:

I ALEXANDER ANAK SIGAU , 35400, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART, hereby declare that the work entitled, "APLIKASI SENI MOTIF TATU ORANG ULU DAN PENGGUNAAN SISTEM TANGGAM SERTA NILAI ESTETIKA DALAM PEMBUATAN KERUSI SEMI-OUTDOOR." is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.


ALEXANDER ANAK SIGAU (35400)

DATE

Supervisor's Declaration:

I DR. MUSDI SHANAT, hereby certify that the work entitled, "APLIKASI SENI MOTIF TATU ORANG ULU DAN PENGGUNAAN SISTEM TANGGAM SERTA NILAI ESTETIKA DALAM PEMBUATAN KERUSI SEMI-OUTDOOR." was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfilment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by:


Date: 31/7/2015

-DR. MUSDI SHANAT

Dr Musdi binti Hj. Shanat
Head of Department Design Technology
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature _____

Supervisor's signature: _____

ALEXANDER AK SIGAU

DR. MUSDI SHANAT

Current Address: NO.15, BLOCK B, UMA LAHANAN, SUNGAI ASAP, 96900 BELAGA.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]



1000273839

**APLIKASI SENI MOTIF TATU ORANG ULU DAN PENGGUNAAN SISTEM
TANGGAM SERTA NILAI ESTETIKA DALAM PEMBUATAN KERUSI SEMI-
OUTDOOR.**

ALEXANDER ANAK SIGAU

FAKULTI SENI GUNAAN & KREATIF

**TEKNOLOGI SENI REKA
(SENI REKA INDUSTRI)**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

ISI KANDUNGAN

SUBJEK	MUKA SURAT
Borang Deklarasi	i-iii
Isi Kandungan	iv-ix
Abstrak	x
	21-23
	24-25
	26-27
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.2 Ringkasan Kajian	1-3
1.1.3 Latar Belakang Kajian	3-6
1.2 Penyataan Masalah	6-7
1.3 Objektif Kajian	7-8
1.4 Persoalan Kajian	9-10
1.5 Kepentingan Kajian	10-11
1.6 Skop dan Limitasi kajian	11
1.7 Kesimpulan	12

BAB 2: KUPASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	13-14
2.2 Kupasan Kajian	14-20
2.3 Sejarah Motif Batu Orang Ulu	21
2.3.1 <i>Rawing and Raja Merom</i>	21-23
2.3.2 <i>Lang Ngidang and Lang Kanchang</i>	24-25
2.3.3 <i>Mimpi Gemong</i>	26-27
2.4 Pengenalan kepada Motif Batu Orang Ulu	28-38
2.5 Kepentingan Batu kepada Komuniti	38-40
2.6 Sejarah Kerusi	41-44
2.7 Pengaplikasian Motif batu dalam rekaan perabot	45
2.7.1 Seni reka produk daripada motif batu	46
2.8 Kesimpulan	47

BAB 3: KAEDEH KAJIAN

3.1	Kaedah Kuanlitatif	48
3.2	Kaedah Kuantitatif	49
3.3	Teknik Sampling	49
3.3.1	Temu bual	49-52
3.3.2	Soal Selidik	52-55
3.3.3	Pemerhatian	55-58
3.3.4	Fotografi	59
3.4	Kesimpulan	60

BAB 4 : DAPATAN HASIL KAJIAN

4.0 Dapatan Kajian	61
4.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden	
i) Umur Responden	62
ii) Jantina Responden	63
4.2 Bahagian B : Soalan Umum	64-67
4.3 Bahagian C : Elemen Estetika & Ergonomik	
i) Soalan 1a: Aspek Ergonomik	68
ii) Soalan 1b: Reka Bentuk & Konsep	69
iii) Soalan 1c: Tahap keselesaan Pengguna	70
iv) Soalan 1d: Keselamatan Pengguna	71
v) Soalan 1e: Ciri-ciri kayu	72
4.4 Bahagian D : Konsep Reka Bentuk & Motif Tatu	73-74
4.5 Bahagian E : Sistem Tanggam	75-76
4.6 Bahagian F : Cadangan Pengguna	77-78
4.7 Kesimpulan	79

BAB 5: CADANGAN REKA BENTUK

5.1 Spesifikasi Reka Bentuk	80
5.1.1 Inspirasi Reka Bentuk	80
5.1.2 Konsep Reka Bentuk	80
5.1.3 Berat & Jenis Kayu	81
5.1.4 Ciri-ciri reka bentuk	81
5.1.5 Penggunaan kayu	81
5.1.6 Sistem Tanggam	81-82
5.2 Perkembangan Idea	83-84
5.2.1 Perkembangan Idea : 3D rendering	85
5.2.2 Lukisan Teknikal	86
5.2.2.1 Reka Bentuk Akhir	87
5.3 Cadangan Sistem Tanggam	88-90
5.4 Kajian Ergonomik, Antropometri & Nilai Estetika	91
5.4.1 Ergonomik	91
5.4.2 Sukatan Antropometri	91-93
5.4.3 Elemen Estetika	93

BAB 6 : PROSES KERJA & VALIDASI

6.1 Proses Kerja	94-97
6.2 Gambar Proses Kerja	98-99
6.3 Proses Validasi	100-101

BAB 7 : HARTA INTELEK

7.0 Pengenalan kepada Harta Intelek	102
7.1 Tajuk Kajian & Rekaan	102
7.2 Bidang Teknikal	102
7.3 Latar Belakang	102-103
7.4 Maklumat Rekaan	103
7.5 Kesimpulan	103

BAB 8 : KESIMPULAN KAJIAN

8.0 Kesimpulan keseluruhan kajian	104-105
-----------------------------------	---------

APPENDIX

106

RUJUKAN

107-109

1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah tentang proses rekaan kerusi yang diinspirasikan daripada motif tatu Orang Ulu. Pada masa kini, generasi kita kurang ditekankan tentang seni dan budaya mereka sendiri disebabkan wujudnya teknologi yang kebanyakannya mempengaruhi mereka sama ada dari aspek mental maupun fizikal. Kajian ini akan memberikan penekanan terhadap suku kaum etnik Orang Ulu, yang memberikan impak yang besar dalam perkembangan seni tatu di Sarawak. Keistimewaan motif tatu Orang Ulu ini sendiri melambangkan suku kaum itu sendiri melalui seni ukiran tatu yang memberi maksud tertentu dalam kalangan komuniti Orang Ulu di Sarawak. Kajian yang dijalankan ini adalah berkenaanan rekaan kerusi yang terutamanya memberi fokus dalam mengaplikasikan motif tatu Orang Ulu. Selain itu, nilai estetika juga diberi penekanan dan digunakan bagi membuat perubahan yang lebih baik untuk memastikan kerusi yang direka menepati citarasa penggunanya. Rekaan motif tatu Orang Ulu ini akan dianalisis dan diubahsuai berdasarkan ciri-ciri seni yang sesuai diaplikasikan pada kerusi.

1.1.2 RINGKASAN KAJIAN

Penyelidik telah melakukan kajian tentang motif tatu Orang Ulu yang yang distailisasikan untuk digunakan dalam pembuatan kerusi. Selain itu, fokus kajian juga merangkumi penggunaan sistem tanggam dan penerapan nilai estetika dalam pembuatan kerusi ini. Masyarakat Orang Ulu ini sangat terkenal dengan keunikian seni dan budaya mereka terutamanya di kepulauan Borneo. Oleh kerana masyarakat Orang ulu ini mempunyai keunikian tersendiri dalam bidang seni dan kebudayaan, pengkaji telah memilih untuk melakukan penyelidikan tentang seni tatu yang menjadi simbolik bagi sesetengah etnik di

kepulauan Borneo. Keunikan seni tatu Orang Ulu ini akan diadaptasikan melalui proses rekaan dan seterusnya diaplikasikan dalam reka bentuk kerusi yang dikaji.

Penyelidik mendapati 2 permasalahan yang wujud dalam kajian yang dijalankan ini. Permasalahan yang pertama ialah kurangnya perabot yang mengaplikasikan motif tempatan seperti seni tatu Orang ulu. Pada masa kini, generasi muda kurang diberi pendedahan tentang budaya yang dimiliki oleh mereka disebabkan oleh pengaruh budaya luar yang berleluasa di media massa.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat, jumlah perabot terutamanya kerusi yang dibuat berdasarkan seni motif tatu Orang Ulu adalah sedikit atau hampir tiada di pasaran. Selain daripada itu, pemilihan bahan atau *material* dalam pembuatan kerusi yang merangkumi aspek keselamatan juga turut diberi penekanan dalam kajian ini agar tidak mendatangkan impak yang buruk kepada aspek persekitaran terutamanya alam sekitar. Dalam kajian ini, pemilihan bahan atau *material* adalah salah satu aspek yang penting dalam pembuatan kerusi. Penyelidik telah memilih kayu untuk dijadikan bahan utama dalam proses pembuatan kerusi ini.

Objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan mengkaji tentang seni motif tatu Orang Ulu yang sesuai diaplikasikan dalam reka bentuk kerusi. Seni motif tatu Orang Ulu yang telah wujud dalam masyarakat ini akan diselidik dan diolah berdasarkan kepada konsep kerusi yang ingin direka. Selain itu juga, projek ini juga menyasarkan untuk melakukan analisis terhadap bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan kerusi selain memberikan penekanan terhadap sistem tanggam yang bersesuaian dalam rekaan kerusi yang dibuat.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 2 kaedah utama iaitu Kuantitatif dan Kualitatif. Kaedah Kualitatif merujuk kepada teknik yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian yang meliputi pengedaran borang soal selidik, temuramah dan kumpulan fokus. Manakala, Kuantitatif pula merujuk kepada pengumpulan data yang

melibatkan jumlah angka yang dikumpul dalam proses kajian dan seterusnya direkodkan dalam jumlah yang menunjukkan peratusan atau bilangan. Melalui 2 kaedah ini, pengkaji dapat memperolehi data yang spesifik termasuklah latar belakang responden yang terlibat dalam skop kajian.

Di akhir kajian, penyelidik akan menghasilkan sebuah kerusi yang diinspirasikan daripada seni motif tatu Orang Ulu yang menitikberatkan aspek tanggam dan nilai estetika dalam rekaan kerusi. Penghasilan perabot seperti ini diharapkan memberi sedikit pengetahuan asas dan kesedaran betapa pentingnya nilai tempatan diserap pada rekaan perabot. Penambahbaikan sistem tanggam yang telah wujud akan dikaji dan direka semula dengan menekankan elemen estetika yang tinggi agar kerusi yang direka mencapai objektif kajian yang telah dibuat. Rekaan tanggam yang disertakan dengan elemen estetika akan memberi impak yang menarik dalam rekaan kerusi dan seterusnya memberi kesan dalam pasaran perabot yang diinspirasikan daripada seni tatu ini.

1.1.3 LATARBELAKANG KAJIAN

Masyarakat Orang Ulu adalah sebuah masyarakat yang mempunyai ramai kumpulan etnik di Sarawak. Masyarakat Orang Ulu ini hidup di kawasan perairan sungai di Sarawak dan ada sesetengah kumpulan etnik ini terdapat di kawasan bukit bukau yang menjadi tempat tinggal selain tempat mencari rezeki. Di Borneo, kumpulan etnik Orang Ulu ini terdiri daripada pelbagai jenis puak yang hidup di perairan sungai dan bukit di Borneo. Terdapat 2 jenis kumpulan etnik yang mempunyai majoriti penduduk dalam taburan penduduk di Sarawak iaitu kaum *Kayan* dan *Kenyah*. Selain itu, terdapat juga kumpulan etnik yang juga dikategorikan sebagai *Orang Dayak* iaitu kaum *Iban*. Walaupun kaum *Iban* bukan merupakan salah satu kumpulan daripada etnik Orang Ulu, tetapi seni tatu motif kaum Iban adalah dipengaruhi daripada seni motif tatu kaum *Kayan* dan *Kenyah*. Peta di bawah merujuk kepada taburan penduduk etnik Orang ulu yang terdapat di kepulauan Borneo. (Rujuk figura 1 di sebelah)




Figura 1: Taburan penduduk Orang Ulu di Sarawak

(Sumber diperolehi daripada The Human: Heart of Borneo,

http://awsassets.wwf.org.au/downloads/ic_the_human_heart_of_borneo_1nov12.pdf)

L.W. Jones (1966), mendapati keluasan tanah di Sarawak adalah dalam ukuran 48,250 meter persegi. Kebanyakkan penduduk Orang Ulu yang tinggal di Borneo mencacah tatu pada tubuh badan mereka dianggap sebagai pahlawan yang mempunyai hubungan dengan kekuatan fizikal dan dunia roh. Disamping itu, penduduk Orang Ulu juga mempercayai bahawa sesiapa yang mencacah tatu di tangan mereka membawa maksud seseorang itu telah berjaya membunuh dan memperolehi kepala ketika peperangan. Bagi kaum Iban, mereka percaya mencacah tatu di bahagian leher (kerongkong) itu memberi maksud seseorang itu telah membunuh seseorang ketika perang dan diberi gelaran “*ngayau*”.

Bagi puak Orang Ulu, membuat tatu dan “*ngayau*” adalah berkait rapat dengan dunia spiritual, kuasa gelap dan kebudayaan. Fokus utama yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah tentang kaum majoriti yang tinggal di Sarawak seperti kaum *Kayan*, *Kenyah* dan *Iban*. Ketiga-tiga puak ini mempunyai nilai kesenian yang tersendiri berdasarkan seni tatu yang wujud dalam kalangan masyarakat mereka.

Kebanyakkan komuniti Orang Ulu percaya bahawa tatu ini merupakan salah satu aspek kesenian yang diolah dan ditatu pada badan seseorang untuk menunjukkan ciri-ciri dan status yang dimiliki oleh seseorang itu. Kaum *Kayan*, *Kenyah* dan *Iban* mempunyai kepercayaan nasing-masing terhadap tatu yang wujud dalam puak mereka dimana kebanyakkan tatu dijadikan sebagai simbol “*cahaya kehidupan selepas kematian*”. Kaum ini mempercayai bahawa tatu ini mempunyai misteri berselindung di sebalik tatu yang dibuat dan ianya dapat membantu seseorang itu menemui cahaya yang akan memimpin mereka selepas mereka meninggalkan alam kehidupan dan bertemu di alam lain. Dalam kajian ini, terdapat 3 jenis kaum yang diberi perhatian berdasarkan keunikan tatu yang dimiliki oleh setiap kaum tersebut. Kaum *Kayan* dan *Kenyah* merupakan antara kaum Orang Ulu yang menyumbang kepada jumlah majoriti penduduk dalam kalangan masyarakat Orang Ulu. Kaum ini dipercayai hidup

di bahagian bukit dan gunung selain terdapat juga yang tinggal di kawasan perairan sungai. Manakala, kaum *Iban* pula kebanyakannya tinggal di kawasan perairan seperti di Batang Rejang dan Sungai Skrang. Rutin harian yang dijalankan oleh ketiga-tiga puak ini adalah sama seperti menanam padi, mengumpul hasil hutan, memburu, memjala ikan, membuat kraftangan dan tatu.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyelidik dan mendapati 2 jenis penyataan masalah yang wujud dalam menjalankan kajian rekabentuk kerusi daripada motif tatu Orang Ulu. Pemasalahan yang terlibat adalah seperti :

1.2.1 Kurang Penekanan terdapat rekaan kerusi yang melibatkan motif tatu Orang Ulu di pasaran.

Pada zaman sekarang, generasi baru kebanyakannya lupa akan asal usul budaya mereka kerana disebabkan oleh kemodenan dunia dan teknologi yang wujud sekarang. Hal ini akan menyebabkan mereka leka dan kurang menerima pengetahuan tentang budaya sendiri. Kemodenan teknologi pada zaman sekarang sedikit sebanyak memberi impak dalam konsep rekaan yang wujud dalam pasaran. Konsep yang bermotifkan tatu terutamanya yang diinspirasikan daripada kaum Orang Ulu ini jarang ditemui dalam rekaan perabot yang terdapat di pasaran kerana kurangnya penekanan yang diterapkan oleh pereka perabot dalam rekaan mereka. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyelidik tentang motif tatu Orang Ulu yang sesuai digunakan dalam pembuatan kerusi.

1.2.2 Pemilihan material dan bahan yang sesuai dalam pembuatan kerusi

Dalam kajian ini, pemilihan material dan bahan yang sesuai merupakan aspek penting dalam pembuatan kerusi. Pemilihan material dan bahan dalam kajian ini adalah berdasarkan konsep tradisional yang diterapkan dalam rekaan kerusi tersebut. Kerusi yang bermotifkan tatu Orang Ulu ini menekan konsep tradisional dan klasik. Oleh itu, penyelidik telah memilih untuk menggunakan material yang berasaskan konsep dan ciri-ciri yang terdapat dalam rekaan motif tatu. Kebanyakkhan material seperti kayu yang digunakan dalam pembuatan kerusi ini adalah diambil daripada kayu yang terdapat di Borneo sendiri. Hal ini demikian kerana konsep yang diterapkan dalam rekaan kerusi ini bersesuaian dengan bahan yang digunakan dalam pembuatan kerusi. Selain itu juga, penggunaan bahan yang mesra alam adalah sesuai kerana penggunaan bahan mesra alam dapat membantu dalam pemeliharaan alam sekitar. Pemilihan bahan yang sesuai juga akan menyumbang kepada keselesaan pengguna dan nilai estetika yang terdapat pada kerusi tersebut.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Sebelum kajian ini dijalankan, terdapat beberapa objektif kajian yang telah ditetapkan supaya kajian ini menepati sasaran yang ingin dicapai oleh pengkaji. Objektif kajian ini adalah seperti yang dicatatkan di bawah :

1.3.1 Mengenalpasti motif tatu Orang Ulu yang sesuai untuk diaplikasikan kepada reka bentuk kerusi.

Motif tatu Orang Ulu yang digunakan dalam kajian ini adalah diinspirasikan daripada 3 etnis kaum majoriti yang terdapat di Sarawak iaitu suku kaum *Kayan*, *Kenyah* dan *Iban*. Motif tatu daripada ketiga-tiga puak ini akan dikaji dan akan direka semula untuk dijadikan sebagai

elemen estetika dalam penghasilan kerusi. Salah satu motif tatu akan dipilih oleh pengkaji daripada ketiga-tiga jenis kaum ini. Kaum *Kayan* mempunyai motif tatu yang diberi nama “*Mata Aso*”, motif tatu kaum Kenyah pula diberi nama “*Usun Dian*” dan manakala bagi kaum Iban pula diberi nama “*Bungai Terung*”. Salah satu motif tatu ini akan diolah dan distailisasikan semula tanpa mengubah ciri-ciri asal tatu.

1.3.2 Menganalisis bahan dan sistem tanggam yang sesuai digunakan dalam reka bentuk kerusi.

Bahan-bahan seperti kayu yang digunakan dalam kajian ini akan dianalisis dari segi kekuatan dan ketahanannya dalam proses pembuatan kerusi. Bahan utama yang digunakan dalam kajian ini adalah kayu yang merupakan kayu yang tumbuh di kepulauan Borneo sendiri. Pemilihan kayu asli yang terdapat di Borneo ini adalah untuk memastikan konsep yang diterapkan dalam pembuatan kerusi ini bersesuaian dengan motif tatu Orang Ulu. Selain itu, penggunaan sistem tanggam dalam reka bentuk kerusi juga turut ditekankan dalam pembuatan kerusi ini kerana penggunaan tanggam dalam pembuatan perabot adalah lebih praktikal berbanding menggunakan paku atau skru. Selain daripada itu, penggunaan tanggam dalam rekaan perabot mempunyai nilai estetika yang lebih unik.

1.3.3 Mereka bentuk kerusi dengan mengaplikasikan motif tatu Orang Ulu.

Pada proses akhir reka bentuk kajian ini, pengkaji akan membuat dan mereka bentuk sebuah kerusi berdasarkan motif tatu Orang Ulu dan data yang diambil dari kaedah lain seperti surang soal selidik, pemerhatian dan kumpulan fokus yang dijalankan sepanjang kajian ini dijalankan. Data yang diperolehi akan dijadikan sebagai sumber rujukan dalam mereka bentuk kerusi ini kelak.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian merupakan salah satu komponen dalam penyelidikan dimana persoalan kajian ini digunakan untuk memastikan objektif kajian mencapai sasaran yang ditanyakan dalam persoalan kajian. Persoalan kajian yang wujud dalam kajian ini adalah seperti :

1.4.1 Apakah motif tatu Orang Ulu yang sesuai diaplikasikan dalam reka bentuk kerusi ?

Dalam persoalan kajian ini, penyelidik akan membuat penyelidikan dan analisis tentang suku kaum yang memberi impak yang mendalam dalam kesenian tatu yang wujud di Borneo. Keunikan tatu yang wujud dalam komuniti Orang Ulu seperti suku *Kayan*, *Kenyah* dan *Iban* ini akan dikaji dan dklasifikasikan kepada beberapa elemen yang terdiri daripada keunikan, keaslian, kepentingan dan nilai estetika reka bentuk tatu itu sendiri. Daripada proses ini, pengkaji akan membuat penilaian tentang motif tatu Orang Ulu yang sesuai untuk digunakan dalam reka bentuk kerusi.

1.4.2 Apakah bahan dan sistem tanggam yang sesuai diaplikasikan dalam mereka bentuk kerusi bermotifkan tatu Orang Ulu ini ?

Penggunaan bahan dalam mereka bentuk kerusi ini adalah dipilih berdasarkan kekuatan dan ketahanan kayu selain menepati ciri-ciri konsep yang terdapat dalam reka bentuk kerusi . Dalam persoalan ini, pengkaji akan melakukan pemilihan bahan yang sesuai dan menganalisis setiap pilihan yang akan digunakan agar pemilihan bahan-bahan itu sesuai digunakan dalam pembuatan kerusi. Penggunaan sistem tanggam dalam pembuatan kerusi ini juga dianalisis melalui data yang telah diperolehi.

1.4.3 Bagaimakah motif tatu Orang Ulu boleh diaplikasikan dalam rekaan kerusi

melalui perubahan pada sistem tanggam dan elemen estetika ?

Persoalan kajian ini menjelaskan kaedah yang digunakan dalam proses mengaplikasikan motif atau Orang Ulu dalam reka bentuk kerusi dengan perubahan dari segi penggunaan sistem anggam dan elemen estetika dalam pembuatan kerusi tersebut.

1.5 KEPENTINGAN DAN JANGKAAN HASIL KAJIAN

Pada akhir kajian, jangkaan kajian oleh penyelidik adalah mereka bentuk kerusi yang bermotifkan tatu Orang Ulu setelah mengambil kira aspek yang melibatkan penggunaan sistem anggam dan elemen estetika dalam kajian yang telah dibuat. Data yang dianalisis daripada kajian ini akan digunakan dalam mengurus proses reka bentuk kerusi yang ingin dibuat oleh penyelidik. Dengan menjalankan kajian ini, penyelidik mengharapkan penglibatan dalam kesenian dan kebudayaan Orang Ulu ini akan memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada generasi baru tentang keunikan budaya dan warisan Orang Ulu ini terutamanya pengetahuan tentang seni tatu yang wujud dalam masyarakat Orang Ulu. Tanpa semua pengamalan ini dalam budaya kita, generasi baru akan mengalami kesusahan dalam mengenali budaya yang wujud dalam komuniti dan etnik mereka masing-masing.

Salah satu jangkaan kajian ini juga adalah untuk memilih bahan-bahan yang sesuai digunakan dalam pembuatan kerusi yang bermotifkan tatu Orang Ulu ini. Selain itu , diharap apa yang diperolehi dapat meningkatkan pengetahuan penyelidik tentang penggunaan sistem anggam yang efektif dalam pembuatan kerusi ini disamping mencadangkan stail rekaan pada kerusi. Selain daripada itu, diharap proses perkembangan reka bentuk dalam kajian ini juga turut memberi sumbangsan kepada penyelidik lain dalam mengaplikasikan kayu yang

bersesuaian dalam pembuatan kerusi selain penerapan nilai elemen estetika dalam reka bentuk kerusi.

1.6 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Skop kajian ini difokuskan kepada kaum Orang Ulu yang terdapat di kawasan pedalaman sekitar Sarawak. Kaum Orang Ulu mempunyai pelbagai jenis etnik yang tinggal berhampiran sungai dan bukit-bukau di kepulauan Borneo ini. Skop kajian dalam lokasi penduduk kaum Orang Ulu ini membantu penyelidik mengutip data yang boleh digunakan dalam kajian ini. Terdapat satu kawasan taburan penduduk Orang Ulu di Belaga iaitu pekan yang berhampiran dengan Empangan Elektrik Bakun. Kawasan Belaga merupakan salah satu kawasan penempatan penduduk Orang Ulu yang terkenal seperti suku kaum *Kayan* dan *Kenyah*, dan kebanyakkan penduduk kaum Orang Ulu tinggal di kawasan itu. Selain itu, kawasan pekan Belaga juga berhampiran dengan Pekan Kapit, yang juga merupakan kawasan terkenal bagi suku kaum *Iban*. Kedua-dua kawasan Orang Ulu ini dihubungkan dengan sungai terpanjang di Sarawak iaitu batang Rejang. Dalam kajian ini, limitasi dan skop kajian adalah tertumpu kepada 3 kaum utama yang tinggal di daerah Belaga dan Kapit ini. Ketiga-tiga kaum (*Kayan, Kenyah dan Iban*) ini mempunyai latar belakang yang tersendiri dari aspek kesenian tatu, budaya dan warisan yang unik di Sarawak.

Skop kajian ini juga memberikan penekanan kepada syarikat perabot yang membuat kerusi terutamanya yang membuat perabot yang berkonseptkan motif tempatan. Terdapat beberapa syarikat perabot di Kuching yang menghasilkan perabot yang berkonseptkan tradisional dan moden. Melalui syarikat tersebut, penyelidik akan membuat kajian pemerhatian dan temu ramah bagi pengutipan data mengenai konsep dan reka bentuk yang boleh memenuhi permintaan perabot di pasaran pada zaman sekarang.

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan proses pembuatan kerusi, sistem tanggam yang efektif serta mengaplikasikan motif tatu Orang Ulu dalam reka bentuk kerusi. Di akhir penyelidikan, sebuah kerusi *semi-outdoor* akan dihasilkan dengan mengaplikasikan motif tatu Orang Ulu sebagai metafora rekaan.

2.1 PENGENALAN

Tatu merupakan salah satu seni mencacah tubuh badan yang masih diamalkan oleh masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Orang Ulu menganggap tatu ini merupakan salah satu elemen kesenian yang bukan sahaja untuk mencacah tubuh badan tetapi boleh digunakan motifnya untuk membuat pelbagai jenis alatan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari mereka seperti alatan memburu, pakaian tradisi, kraftangan dan ruangan rumah. Pada asalnya, masyarakat Orang Ulu mempercayai bahawa motif tatu ini adalah diinspirasikan daripada sejenis haiwan seperti “Anjing” dan “Ular Sungai/ Naga” (* Naga : Dipercayai oleh nenek moyang masyarakat Orang Ulu telah hidup dari beratus tahun yang lalu). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Victor T. King (1985), beliau menjelaskan bahawa naga sering dikaitkan dengan orang yang paling gagah dan mempunyai kehidupan yang kekal abadi di dalam roh. Terdapat 3 peringkat yang dipercayai wujud bagi menjelaskan simbol ini antaranya adalah “*Samagat*”, “*Pabiring*”, dan “*Bamua*”. Selain daripada itu, nenek moyang dalam masyarakat Orang Ulu juga mempercayai bahawa naga merupakan haiwan yang banyak membantu dalam peperangan yang berlaku diantara pelbagai puak dengan menggunakan semburan api yang keluar daripada mulut naga tersebut. Oleh itu, nenek moyang masyarakat Orang Ulu sangat menganggumi kekuatan naga ini dan seterusnya dijadikan simbolik kepada atau-tatu yang wujud dalam masyarakat Orang Ulu sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perhubungan antara anjing “*Aso*” dan naga “*Naga*” ini. Kedua-dua jenis haiwan ini memberikan impak yang besar dalam seni reka bentuk atau Orang Ulu. Masyarakat Orang Ulu merupakan masyarakat yang terkenal dengan keunikannya dalam seni menyulam, mengukir kayu, membuat tatu dan tarian. Fokus yang telah ditetapkan

dalam kajian ini adalah lebih bertumpu kepada seni tatu yang telah wujud dalam masyarakat Orang Ulu sejak beribu tahun yang dahulu. Selain itu juga, perkembangan seni tatu dalam masyarakat Orang Ulu ini telah memainkan peranan dalam memperkenalkan budaya Orang Ulu dalam kalangan masyarakat lain yang wujud di serantau ini terutamanya di Malaysia. Bagi etnik suku kaum di Sarawak, setiap seni tatu yang telah wujud memberikan maksud yang tersendiri kepada golongan yang mempunyai tatu di badan mereka. Tatu ini telah dijadikan oleh seseorang itu sebagai simbol untuk menjelaskan segala ciri-ciri dan budaya yang telah wujud dalam masyarakat si pengamal tatu itu.

Mengikut sejarah tatu dalam masyarakat Orang Ulu, kebanyakkan tatu yang wujud ejak dari zaman nenek moyang mereka telah diinspirasikan daripada motif tatu puak kaum *Kayan*, yang juga merupakan salah satu kaum yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dalam masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Sementara itu, kaum *Iban* pula dikategorikan sebagai *Dayak Laut* “ kerana masyarakat ini kebanyakannya tinggal di kawasan perairan sungai yang terletak di Batang Rejang dan Sungai Skrang. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengaruh yang sedikit sebanyak memberi impak yang besar dalam seni tatu orang *Iban*, yang mana pengaruh itu majoritinya diambil daripada pengaruh seni tatu kaum *Kayan* “ *Mata Aso* ” dan *Kenyah* “ *Usun Dian* ” . Contohnya, tatu kaum *Kayan* “ *Mata Aso* ” merupakan perubahan seni motif tatu yang dijadikan sebagai subjek utama kaum *Iban* dalam pembuatan corak yang baru dalam seni tatu yang terdapat pada tatu kaum *Iban* iaitu “ *Bungai Terung* ”.